

Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat

Oleh HATA WAHARI dan NORILA DAUD

Malaysia pengerusi projek dunia Islam

Oleh HATA WAHARI dan NORILA DAUD

KUALA LUMPUR 10 Jun- Kementerian Luar akan mewujudkan jawatankuasa pemandu bagi melaksanakan projek-projek yang telah dicadangkan dalam Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat yang berakhir hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, Malaysia akan mempengerusikan jawatankuasa itu dan membawa cadangan mengenai kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Malaysia tidak mahu apabila sesebuah persidangan dilaksanakan dan kumpulan pakar mengemukakan pelbagai cadangan serta projek-projek yang boleh dijalankan tetapi tidak dapat digerakkan kerana tiada kumpulan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang melaksanakannya," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menutup Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar serta Kementerian Luar dan Inisiatif Cordoba di sini hari ini.

Rais berkata, jawatankuasa pemandu itu akan mengenal pasti projek-projek yang akan dilaksanakan oleh agensi-agensinya di ba-

wah OIC atau NGO yang berminat.

Katanya, projek-projek yang menjadi keutamaan ialah penubuhan sebuah agensi media Islam seperti International Network Agency (INA) yang dulunya di bawah OIC tetapi telah terkubur.

"Penubuhan agensi berita negara Islam ini penting untuk pengumpulan dan pengedaran berita-berita dari negara-negara Islam agar masyarakat Barat mendapat maklumat yang lengkap serta sahih," katanya.

Menurutnya, penubuhan agensi berita Islam ini akan dibawa, ke Persidangan OIC Ke-35 di Kampala, Uganda pada 17 hingga 20 Jun ini untuk mendapat sokongan daripada negara-negara anggota agar agensi seperti INA dihidupkan semula.

Beliau menambah, projek latihan dan pendidikan juga harus ditekankan untuk memastikan generasi muda Islam menguasai bahasa Inggeris dan Perancis agar dapat berhubung serta berkomunikasi dengan masyarakat Barat.

Katanya, Malaysia akan meminta bantuan daripada NGO dan badan-badan korporat dalam pelaksanaan program ini.

Mengenai negara-negara Islam yang telah memutuskan hubungan dengan Barat, Rais berkata, sekarang adalah masanya untuk

mendekati semula negara-negara terbabit memandangkan tindakan mereka dulu atas desakan politik tempatan.

"Negara-negara terbabit membuat keputusan kerana desakan politik dan tanpa mengadakan rundingan dengan kumpulan-kumpulan serantau.

"Keadaan sekarang berbeza dan Malaysia yakin akan dapat menarik mereka bersama-sama dengan negara lain untuk menjalinkan hubungan yang lebih baik dengan negara-negara Barat," katanya.

Sementara itu, Rais berkata, beliau akan membentangkan kepada Kabinet untuk membawa tiga perkara ke sidang OIC.

Perkara pertama, katanya, ialah untuk mewujudkan projek media Islam dan kedua, untuk menilai semula projek-projek yang dilaksanakan oleh OIC sama ada ia memberi manfaat kepada Malaysia.

Perkara ketiga katanya, ialah mengenai kenaikan harga minyak dunia yang tidak rasional.

Katanya, Malaysia ingin membawa perkara ini ke OIC untuk mempersoalkan sama ada kenaikan harga minyak berlaku akibat tindakan negara-negara Islam yang menguasai pengeluaran minyak dunia.

"Malaysia juga ingin mengetahui adakah kenaikan harga minyak ini disebabkan oleh

RAIS Yatim bersalaman dengan bekas Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz sambil diperhatikan Putera Turki, Al-Faisal selepas berakhirnya Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat di Kuala Lumpur, semalam.

Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) atau ada kaitan dengan kartel yang ingin meningkatkan keuntungan

dalam penjualan minyak memandangkan negara ini terancam dengan kenaikan harga minyak di pasaran dunia," katanya.



RAIS Yatim beresoleman dengan ...